



SIDANG AKADEMIK 2018/2019

SEMESTER 1

PPK 102

PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN INSAN
REFLEKSI KAJIAN MOVIE ‘I AM ME’

PENSYARAH:

PROF MADYA DR ASWATI HAMZAH

NAMA PELAJAR:

NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID
NO. MATRIK: 141084

PENGENALAN

Autisme berasal daripada perkataan autos yang bererti diri sendiri dan isme yang bermakna aliran. Jadi autism bermaksud kanak-kanak yang berada dalam dunianya sendiri. Gejala autisme mula kelihatan sebelum kanak-kanak berusia 3 tahun. Kanak-kanak autisme biasanya mempunyai gangguan dalam komunikasi masalah dalam interaksi sosial, gangguan deria, pola bermain dan perilaku sosial.

Autisme merupakan fenomena yang masih menyimpan banyak rahsia walaupun telah diteliti lebih daripada 60 tahun yang lalu. Sehingga saat ini, punca dan sebab utama berlakunya gejala ini belum dapat dikenal pasti dengan jelas. Oleh sebab itu, sehingga kini pakar-pakar perubatan belum dapat mengenal pasti cara pencegahan mahupun mengemukakan kaedah untuk menangani gejala ini dengan tepat dan berkesan. Pada awalnya, autisme dipandang sebagai gangguan yang disebabkan faktor psikologi. Namun pada sekitar tahun 1960-an, menurut penelitian neurologi, autisme adalah disebabkan berlakunya ketidaknormalan pada otak seseorang individu tersebut.

Persatuan Autisme Amerika Syarikat telah mendefinisikan autisme sebagai ketidakupayaan yang rencam dan pada kebiasaannya ia kelihatan pada masa kanak-kanak itu belum meningkat umur 3 tahun. Keadaan ini disebabkan kesan daripada kecelaruan neurologi yang mengganggu fungsi otak. Autisme dan tingkah laku yang berkaitan dengannya dianggarkan berlaku kepada seseorang individu daripada 500 individu. Kekerapan murid-murid lelaki mengalami autisme adalah empat kali ganda berbanding murid-murid perempuan.

NASOM pula mendefinisikan autisme sebagai satu kekurangan seumur hidup dan menampakkan kesannya pada seorang bayi dalam masa 30 bulan pertama. Komunikasi sesama mereka adalah terbantut dan mereka tidak dapat berhubung secara langsung. Mereka juga mempunyai masalah tingkah laku tetapi mempunyai kelebihan intelek yang luas. Kerap kali mereka menunjukkan kelebihan dalam bidang matematik atau kemahiran mekanikal ataupun dalam seni muzik, daya ingatan dan lain-lain.

Manakala menurut Individual with Disabilities Education Act (IDEA) pula, autisme didefinisikan sebagai masalah perkembangan yang memberi kesan terhadap komunikasi verbal dan bukan verbal serta interaksi sosial yang biasanya kelihatan sebelum seseorang berumur 3 tahun dan memberi impak terhadap pencapaian seseorang individu. Selain itu, autisme adalah kategori ketidakupayaan yang dicirikan dengan gangguan dalam masalah hubungan sosial, komunikasi, emosi serta kurang kebolehan imaginasi dan bermain. Mereka juga menunjukkan tingkah laku terhad dan berulang, biasanya berkaitan dengan minat, aktiviti dan perangai. Tahap keseriusan autisme boleh dibahagi kepada tiga jenis iaitu ringan, sederhana dan serius (teruk).

Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan oleh pelbagai tokoh, autisme dapat disimpulkan sebagai ketidakupayaan seseorang individu iaitu kecelaruan neurologi sehingga menjelaskan kefungsian otak dalam aspek-aspek kognitif, kemahiran motor kasar dan motor halus, bahasa dan komunikasi serta sosial dan emosi. Hal ini menyebabkan kanak-kanak autisme tidak dapat menjalani kehidupan seperti manusia normal dan memerlukan bantuan daripada orang sekelilingnya. Jadi, saya telah menganalisis satu movie yang bertajuk ‘I Am Me’ sebagai kajian kes. Cerita ini berkenaan dewasa autisme yang mampu berdikari dalam kehidupan sehariannya.

ASPEK KOGNITIF

Kognitif merujuk kepada aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Theory of mind (TOM) menjelaskan individu yang menghidap autisme menunjukkan tingkah laku yang berbeza berbanding individu normal. Selain itu, TOM juga menyatakan bahawa individu autisme mengalami autisme spectrum disorder (ASD). Menurut Shukla and others (2011), ASD merujuk kepada kerosakan di bahagian otak individu autisme dimana mereka menunjukkan tingkah laku yang berbeza daripada individu normal. Diagnosis ASD menunjukkan bahawa individu autisme mempunyai beberapa tanda iaitu penurunan dalam interaksi sosial dan komunikasi serta pengulangan dalam tingkah laku atau minat.

Di dalam movie yang telah saya kaji, watak utama iaitu Charlie telah menunjukkan tahap kognitif yang berbeza seperti tidak mampu untuk berfikir di luar kotak kerana tahap pemikirannya terhad tetapi Charlie mampu berfikir untuk berdikari dalam kehidupan sehariannya kerana dia telah diajar untuk berdikari semenjak ibunya terlantar di hospital kerana sakit. Charlie diajar untuk membuat sarapan pagi untuk dirinya sendiri dan membeli barang yang dia perlukan. Walaupun tahap kognitifnya rendah, namun dia mampu melakukan perkara yang telah diajar dan mampu berdikari untuk menguruskan kehidupannya.

Tahap kognitif yang ada pada Charlie tidak menghalangnya untuk berfikir perkara yang baik dan buruk. Pada zaman kanak-kanak, Charlie sering dibuli oleh rakan-rakannya kerana mereka tahu dia tidak akan melawan mereka kembali. Namun, pada peringkat dewasa, Charlie mampu berfikir untuk mengelakkan dirinya daripada pembulian.

Dewasa normal pula mampu berfikir di luar kotak dan mempunyai tahap kognitif yang stabil untuk membuat sesuatu keputusan. Namun begitu, terdapat sesetengah individu yang mempunyai masalah kognitif yang disebabkan tekanan terhadap belajar, kerja dan sebagainya. Apabila berlakunya masalah tersebut individu tersebut perlulah mengatasi dengan cepat supaya dapat mengelakkan daripada terkena penyakit mental.

ASPEK FIZIKAL

Perkembangan fizikal merujuk kepada perubahan saiz fizikal, kadar pertumbuhan bahagian-bahagian badan, fungsi anggota-anggota badan dan perawakan manusia (Woolfolk & Margetts, 2007). Semasa pembesaran, kanak-kanak akan mengalami perubahan dalam ketinggian, berat badan menjadi lebih kuat dan dapat melibatkan diri dalam kegiatan fizikal yang lebih kompleks.

Di dalam cerita ini, fizikal Charlie adalah normal seperti orang normal yang lain, namun tahap kognitifnya sahaja yang berbeza. Charlie mampu melakukan aktiviti sehari-hari tanpa masalah kerana mempunyai fizikal yang sempurna. Namun tetapi, Charlie akan menutup telinganya apabila terdengar bunyi bising contohnya menutup telinganya ketika kawan-kawannya yang hendak membuli selalu bercakap secara kuat. Hal ini menunjukkan tingkah laku Charlie seperti itu adalah sesuatu yang biasa bagi individu autism.

Selain itu, Charlie juga sentiasa menghayunkan badannya ke depan dan ke belakang ketika memikirkan sesuatu. Tingkah laku ini terjadi secara automatik kerana apabila dia berbuat demikian dia mampu berfikir dengan baik kerana ketika itu otaknya sedang berfungsi dengan baiknya. Seterusnya, dengan fizikal yang sihat, Charlie juga mampu bekerja di taman bunga seperti orang normal dan dengan wang yang dia dapat, dia mampu menyimpan wang tersebut dan dapat membeli barang keperluannya tanpa mengharapkan bantuan kewangan daripada abangnya. Hal ini menunjukkan, dengan fizikal yang sempurna individu autisme juga mampu melakukan kerja seperti orang normal.

Kita sebagai manusia normal tidak sepatutnya memperlekehkan kebolehan fizikal yang terdapat oleh individu autisme. Kita haruslah membantu mereka dan memberi sokongan supaya mereka terus berjaya dalam hidup. Walaupun fizikal yang ada tidak sempurna, kita tidak perlulah memandang hina terhadap mereka.

ASPEK BAHASA DAN KOMUNIKASI

Bahasa adalah satu perkara yang penting dalam kehidupan kerana ia melibatkan kita untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Jika seseorang itu tidak menguasai bahasa, dia tidak mampu untuk bercakap dengan orang lain kerana perbendaharaan katanya yang sedikit. Perkembangan bahasa individu autisme tidak sama seperti individu normal. Perkembangan bahasa mereka adalah lambat dan sesetengahnya tiada langsung perkembangan bahasa berbanding dengan individu normal. Individu autisme ini jarang menggunakan bahasa yang sesuai untuk bertutur, sukar diajak untuk bercakap kadangkala menuturkan sesuatu tetapi untuk ketika sahaja.

Mereka juga sering mengulangi ungkapan-ungkapan yang telah mereka dengar daripada orang lain. Apabila sentiasa dengar soalan yang sama ditanya kepada mereka, mereka akan ingat dan selalu mengulangi perkataan tersebut tanpa mengubah bentuk soalan tersebut. TOM juga menerangkan bahawa autisme yang mengalami ASD menunjukkan penurunan dalam interaksi sosial dan komunikasi. Ini terbuktilah perkembangan bahasa dan komunikasi autisme sangat rendah.

Di dalam cerita ini, Charlie juga menunjukkan bahasa dan komunikasinya yang rendah kerana dia tidak akan bercakap dengan orang yang dia tidak kenal. Charlie hanya akan bercakap dengan orang yang rapat dengannya sahaja seperti abangnya, Tom. Charlie juga sering bercakap dengan dirinya sendiri jika teringat sesuatu yang telah berlaku dalam hidupnya.

Apabila orang lain bercakap dengan Charlie, Charlie tidak akan bertentang mata dengan individu yang tengah bercakap dengannya. Hal ini kerana, Charlie tidak ada keyakinan untuk berkomunikasi dengan orang lain dan dia juga sukar untuk diajak berkomunikasi. Charlie juga sering menggunakan perkataan yang berulang seperti ‘I love gardening’ kerana Charlie amat minat terhadap aktiviti-aktiviti berkebun. Selain itu, Charlie juga bertutur dengan cepat dan laju tanpa henti sehingga sesetengah perkataan tidak dapat difahami oleh pendengar.

ASPEK SOSIAL DAN EMOSI

Individu autisme lebih suka bersendirian serta gemar menjauhkan diri di sesuatu sudut tertentu. Mereka lebih suka menyendiri dan menyepi serta menghabiskan banyak masa di dalam dunia mereka sendiri. Walaupun terdapat orang lain di sekeliling, individu autisme ini tidak pernah melakukan sebarang bentuk interaksi sosial.

Manakala emosi individu autisme sangat sukar untuk diramal dan kerap berubah-ubah kerana mereka sering ketawa, marah dan menangis tanpa sebab. Mereka juga akan mengamuk di luar kawalan jika kemauan mereka tidak dituruti atau dilarang daripada melakukan sesuatu yang diingini. Mereka akan merosakkan apa-apa sahaja yang berada di sekelilingnya dan menyerang sesiapa sahaja yang berhampiran jika emosi mereka terganggu. Mereka juga tidak mempunyai perasaan simpati dan memahami perasaan orang lain.

Interaksi sosial yang ditunjukkan oleh Charlie ialah dia suka bersendirian dan banyak menghabiskan masanya dengan membuat perkara yang dia suka seperti menyusun buku, menanam pokok bunga dan sebagainya. Charlie juga tidak akan memulakan interaksi sosial dengan orang lain kerana tahap perkembangan bahasanya yang rendah dan keyakinan diri yang berkurang.

Emosi Charlie pula sukar dikawal apabila dia tidak dapat sesuatu dan akan merosakkan harta benda yang ada di sekelilingnya. Contohnya, Charlie mengamuk ketika dia menunggu abangnya pulang ke rumah namun abangnya tidak pulang ke rumah kerana komitmen kepada kerja. Setelah abangnya pulang pada keesokan harinya, Charlie marah dan mengamuk kepada abangnya. Abang Charlie mencari cara untuk memujuk dengan membeli pokok bunga yang baru kepada Charlie.

Bagi individu normal pula, mereka dapat berinteraksi dengan orang sekeliling dengan sebaiknya dan mampu mengawal emosi apabila dilanda masalah. Individu normal mampu berfikir supaya emosi yang tidak stabil sepatutnya tidak ditunjukkan di depan orang ramai.

ASPEK DALAM PEMBELAJARAN

Terdapat beberapa aspek pembelajaran yang telah didapati daripada watak utama. Antaranya ialah penerokaan identiti terutamanya dalam kerjaya. Contohnya, Charlie sangat suka kepada aktiviti perkebunan, jadi dia pergi mencari kerja di taman bunga yang berdekatan dengan rumahnya. Selain itu, aspek pembelajaran yang lain ialah mempunyai tumpuan diri. Charlie mempunyai tumpuan terhadap dirinya kerana mampu berdikari untuk melakukan sarapan pagi untuk dirinya sendiri. Aspek pembelajaran yang seterusnya ialah mempunyai perubahan terhadap diri. Charlie telah membuat satu perubahan dalam dirinya dengan mencari kerja dalam bidang yang dia minat. Di dalam cerita ini terdapat teori yang berkaitan dengan pembelajaran, teori tersebut ialah teori humanistik yang menceritakan aspek pembelajaran yang telah dipelajari oleh Charlie.

PEMBULIAN

Buli adalah tingkah laku yang bertujuan untuk mengganggu seseorang yang kurang berkuasa untuk melawan tingkah laku tersebut. Kejadian buli kebiasaannya berlaku di dalam kalangan dewasa lelaki kerana ingin menunjukkan kehebatan yang dia ada kepada orang lain. Antara faktor yang menyebabkan kejadian buli ini ialah pengaruh filem yang dilihat di media elektronik. Apabila mereka melihat aksi pembulian, akan timbul perasaan ingin mencuba dalam diri mereka. Selain itu, mereka ingin menunjukkan bahawa mereka lebih berkuasa dan hebat berbanding orang lain. Ini terbukti di dalam cerita ‘I am me’ yang Charlie sering menjadi mangsa buli oleh rakan sebaya kerana mereka tahu bahawa Charlie senang untuk dibuli. Hal ini terjadi kerana mereka melihat Charlie sering bersendirian dan tiada kawan yang menyebabkan apabila Charlie dibuli mereka tahu tiada siapa yang akan membantu Charlie.

CABARAN

Setiap kehidupan individu ada cabaran yang menanti untuk menjadikan kita lebih tabah dalam kehidupan. Di dalam cerita ini, Charlie di uji dengan mendapat penyakit autisme namun dia tidak pernah menyalahkan sesiapapun termasuk ibunya. Ini menunjukkan bahawa Charlie dapat menerima penyakitnya dengan tenang dan tanpa mengeluh. Charlie juga mampu menghadapi cabaran dalam hidupnya walaupun kadangkala Charlie tertekan akibat gangguan yang datang dalam hidupnya.

Sebagai ibu bapa, kita perlulah menatang minyak yang penuh untuk mendidik anak-anak yang istimewa supaya mereka tidak berasa disisihkan oleh orang terdekat. Ibu bapa perlu mendidik mereka seperti anak-anak normal dan jangan bezakan kasih sayang terhadap anak-anak. Anggaplah apabila mendapat anak-anak yang istimewa ini sebagai satu anugerah dan bukanlah sebagai dugaan.

Ibu bapa perlulah banyak bersabar untuk mendidik anak-anak istimewa ini. Janganlah melepaskan amarah kepada mereka kerana mereka tidak sedar apabila mereka berkelakuan agresif. Ibu bapa perlulah bijak untuk menenangkan anak tersebut supaya tingkah laku mereka dapat dikawal dengan sebaiknya.